

# Pilihan raya kampus bermula

Melibatkan pemilihan MPP di 20 institusi pengajian tinggi awam seluruh negara membabitkan pertandingan antara kumpulan proaspirasi dan promahasiswa

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my

**B**AHANG pilihan raya kampus sesi 2012/2013 semakin hangat. Kempen-kempen untuk memenangi pemilihan bagi menduduki barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang akan diadakan pada 20 hingga 25 September ini mengambil tempat dalam pelbagai cara.

Ramai calon dilihat masih mengambil pendekatan konvensional untuk berkempen termasuk mengedarkan risalah dan berpidato.

Namun, pada masa yang sama, mereka tidak ketinggalan menggunakan teknologi moden untuk berkempen dalam mendekati pengundi.

Tempoh berkempen yang dibenarkan bagi sebuah pilihan raya di kampus selama seminggu sudah memadai kerana tempoh yang panjang boleh mengganggu proses pembelajaran.

Masa yang singkat untuk berkempen tidak timbul kerana mereka wajar mengaplikasikan teknologi maklumat untuk berkempen menerusi blog dan laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, sistem pesanan khidmat ringkas (SMS), e-mel, selain menggunakan sepenuhnya sudut pidato.

Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Wan Ahmad Hazman Wan Daud berkata, pemilihan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dalam pilihan raya kali ini merupakan penanda aras dalam memperbaiki kepimpinan mahasiswa demi pembangunan universiti dan negara berteraskan modal insan.

"Menjadi calon untuk perwakilan MPP adalah menjadi suara kepada mahasiswa dan menjadi orang tengah antara pihak universiti. Oleh itu, mahasiswa perlu berusaha meningkat daya intelektual berpolitik di kampus."

"Realisasikan aspirasi perjuangan mahasiswa yang perlu diperjuangkan di dalam kampus dan menolak politik luar daripada mencemar politik kampus dengan kepartian," katanya.

Sehubungan itu, kata Wan Ahmad,



SEBAHAGIAN daripada calon yang bertanding dalam pilihan raya kampus menyerahkan borang pencalonan mereka bagi pemilihan MPP 2012 di Universiti Putra Malaysia baru-baru ini.

mahasiswa perlu memilih perwakilan pelajar yang memperjuangkan hak dan menolak individu dan kumpulan berkepentingan.

"Kepimpinan dan idealisme mahasiswa akan rosak sekiranya mereka yang bertanding untuk pilihan raya ini menjadi pelaksana dasar parti politik berkepentingan. Hanya mahasiswa yang dapat memperjuangkan nasib mereka," katanya.

Dalam pada itu, Wan Ahmad Hazman yang juga Mantan Presiden MPP Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkata, mahasiswa universiti disaran tidak menyertai mana-mana organisasi politik bagi mengelak suara mereka disalah guna oleh pihak tertentu menjelang pilihan raya kampus ini.

Katanya, mahasiswa perlu bijak menilai peranan dan kuasa yang dimiliki mereka bagi mengelak dieksplotasi oleh pihak berkepentingan.

"Suasana politik kampus yang tidak sihat mula menyelubungi pilihan raya ini

**6 Realisasikan aspirasi perjuangan mahasiswa yang perlu diperjuangkan di dalam kampus dan menolak politik luar daripada mencemar politik kampus dengan kepartian**

dengan membawa sentimen fitnah-memfitnah yang perlu dihentikan.

"Kita tidak mahu mahasiswa hilang idealisme sebagai pejuang hak kebaikan pelajar. Pilihan raya ini merupakan medan untuk mahasiswa berpolitik di kampus tetapi tidak perlu dicampuri oleh pihak berkepentingan. Apa gunanya menjadi calon perwakilan mahasiswa tetapi memperjuangkan politik kepartian," katanya.



UPSI anjur Karnival Islam

muka 20

## Apa kata pemimpin universiti

→ SAYA yakin pilihan raya kampus kali ini mampu membawa perubahan dalam menjayakan aspirasi universiti. Perubahan yang terpenting dalam mencapai misi universiti itu ialah ke arah kecemerlangan serta menjaga kebajikan pelajar



**AMER IZZUDDIN  
ABDUL RASHID**

Mantan Yang Dipertua MPP  
Universiti Utara Malaysia,

→ PERUBAHAN minda dan nilai kepercayaan mahasiswa perlu disesuaikan dengan pemilihan barisan kepimpinan MPP yang baharu supaya perubahan itu dapat bertahan dan memanfaatkan universiti dan negara



**IDZUAN JAMALUDDIN**  
Mantan Yang Dipertua MPP  
Universiti Sains Malaysia

→ PILIHAN raya kampus seharusnya tidak perlu wujud sebarang campur tangan daripada mana-mana pihak berkepentingan dan sepaututnya mahasiswa diberi kebebasan bagi menggerakkan agenda dan masa depan mereka sendiri



**IQBAL ISMAT NORDIN**  
Mantan Yang Dipertua MPP  
Universiti Putra Malaysia